

**TEKS SEMBAH UCAPAN  
YBHG. DATO' PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN  
NAIB CANSELOR UPM  
MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
UNIVERISTI PUTRA MALAYSIA  
28 FEBRUARI 2023 BERSAMAAN 7 SYAABAN 1444H  
BERTEMPAT DI AUDITORIUM HSAAS, ARAS 1**

Bismillahirrahmanirahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Mengadap Duli Yang Maha Mulia

Sultan Sharafuddin Idris Shah AlHaj IBNI Almarhum Sultan

Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj.

Sultan Selangor dan Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia.

### **AMPUN TUANKU**

1. Patik, mewakili warga UPM dan sekalian yang hadir memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah dan rahmat-Nya, maka Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat berangkat ke Majlis Perasmian Hospital Sultan Abdul Aziz Shah UPM pada hari ini.
2. Patik sekalian merafak sembah dan menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor Universiti Putra Malaysia bagi pemahsyuran menamakan hospital pengajar UPM ini dengan nama Hospital Sultan Abdul Aziz Shah. Walaupun ia tidak setimpal bagi menghargai jasa dan sumbangan besar almarhum Duli Yang

Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kepada negara amnya dan kepada UPM selaku Canselor pertama yang menerajui pembangunan Universiti sejak awal penubuhannya. Daripada jumlah pelajar seramai 1559 orang, kini UPM telah berkembang pesat dengan jumlah pelajar 25500, dari 80 buah negara dan berada pada kedudukan ke-123 universiti terbaik dunia menerusi QS World University Rankings 2023.

3. Pemahsyuran ini amat bermakna kepada patik sekalian bukan sahaja dari sudut sejarah, tetapi juga meletakkan asas yang kukuh bagi fungsi sebenar UPM sebagai Universiti Penyelidikan, yang perlu mengembangkan peranannya dalam bidang perubatan dan sains kesihatan selain daripada penyelidikan, pembangunan dan inovasi yang diperlukan negara.
4. Hospital ini melengkapkan ekosistem pengajian perubatan di UPM untuk melahirkan graduan perubatan yang berkualiti dan berdaya saing. Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang menawarkan program pengajian dalam bidang perubatan, UPM beriltizam untuk bersama-sama dengan komuniti dalam perkongsian pengetahuan menerusi kepelbagaian perkhidmatan perubatan yang ditawarkan, kemudahan rawatan yang terkini dan infrastruktur berteknologi tinggi,
5. Patik ingin menyembah maklum bahawa cadangan penubuhan Hospital untuk pengajaran di UPM telah bermula sejak awal penubuhan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pada tahun

1996. Kerjasama telah terjalin dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pada peringkat awal dengan kelulusan permohonan tanah UPM bagi pembangunan Hospital Serdang, dengan syarat hospital berkenaan dijadikan Hospital Pengajar untuk UPM. Namun hasrat asal menjadikan Hospital Serdang sebagai Hospital Pengajar UPM tidak menjadi kenyataan apabila ia mula beroperasi pada 15 Disember 2005 kerana perubahan hala tuju dan fungsi Hospital Serdang dari Hospital Pengajar UPM kepada Hospital Perkhidmatan KKM.

6. Jemaah Kabinet pada 14 Oktober 2011 meminta UPM dan KKM mengemukakan pendekatan terbaik bagi perkongsian pintar antara UPM dengan Hospital Serdang untuk tujuan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan klinikal. Pembinaan hospital UPM sebanyak 400 katil ini merupakan inisiatif di bawah strategi lautan biru kerana UPM memerlukan 1000 katil (termasuk 600 katil di bawah Hospital Serdang) untuk memenuhi keperluan dan perkembangan program akademiknya. UPM secara prinsipnya berkongsi beberapa fasiliti seperti Kecemasan dan Mortuari dengan Hospital Serdang.

## **AMPUN TUANKU**

7. Penubuhan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah ini merupakan satu pencapaian yang sangat signifikan dalam perkembangan UPM, kerana ia merupakan peluasan kepada fungsi Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, sekali gus mewujudkan pelbagai peluang

berkaitan latihan klinikal untuk pelajar prasiswazah, pascasiswazah, dan pembangunan pakar, sub pakar, aktiviti penyelidikan dan juga perkhidmatan klinikal. Kewujudan hospital ini juga berupaya meningkatkan keterlihatan dan reputasi UPM terutamanya dalam menyediakan fasiliti penempatan pelajar yang berkualiti tinggi untuk latihan dan perkhidmatan klinikal serta pembangunan penyelidikan serta penemuan baru dalam teknologi perubatan dan penerbitan berimpak tinggi yang diperlukan negara.

8. Projek pembinaan hospital bermula sekitar tahun 2014 meliputi kawasan berkeluasan 95 hektar dan telah siap sepenuhnya dalam tempoh enam tahun sebelum diserahkan kepada universiti secara rasmi 15 Mei 2019 bagi memulakan operasi sulungnya. Hospital Sultan Abdul Azizi Shah ini mempunyai kapasiti keseluruhan 400 katil dengan menelan kos pembinaan RM600 juta. Operasi pertama telah dibuka melalui perkhidmatan Klinik Perubatan Keluarga pada Oktober 2019. Pengoperasian hospital telah ditingkatkan sejak tarikh tersebut dan sehingga tahun 2022, telah menerima sebanyak 11,978 pesakit dalam, 231,783 pesakit luar dengan kekuatan staf seramai 1491 orang. Kekuatan ini ditambah dengan penglibatan 205 pensyarah perubatan dan pensyarah dalam bidang sains kesihatan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.
9. UPM menawarkan Ijazah Doktor Perubatan, 5 program bachelor dalam bidang Sains Kesihatan, dan 9 program Master Perubatan, serta 1 program Kedoktoran Phd perubatan dengan bilangan enrolmen pelajar keseluruhan seramai 1918 pelajar. InsyaAllah

bilangan program pascasiswazah ini akan ditambah seiring dengan hasrat pembangunan hospital.

## **AMPUN TUANKU**

10. Patik juga ingin menyembah maklum 4 bidang tujahan yang telah dikenal pasti bagi hospital iaitu perkhidmatan strok, penjagaan prostat, geriatrik dan zoonosis. Bidang tujahan ini adalah berdasarkan kepada kepakaran yang dimiliki dan kerelevanan dengan senario kesihatan yang dihadapi masyarakat. Ia melibatkan kerjasama berpasukan daripada pelbagai disiplin dan penggunaan teknologi terkini dalam perubatan.
  
11. Dari sejak mula beroperasi, hospital diduga dengan penularan pandemik Covid-19, namun pengoperasian diteruskan dan turut terlibat dalam membantu Kerajaan membanteras pandemik melalui perkongsian fasiliti dan kemudahan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.
  
12. Di samping itu, hospital ini telah mendapat pengiktirafan sebagai hospital yang menyediakan makmal perkhidmatan Ujian COVID-19 dan bekerjasama dengan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membantu kerajaan dalam memerangi pandemik COVID-19.
  
13. Manakala Pusat Regional Emergency Stroke Quick Response atau RESQ telah diberi penarafan antarabangsa oleh World Stroke Organisation dengan anugerah “Gold” pada tahun 2020, “Platinum” pada tahun 2021 dan anugerah tertinggi “Diamond” pada tahun

2022. RESQ merupakan satu tunjang utama dalam penjagaan strok hospital ini dengan bertujuan menyediakan perkhidmatan strok hiperakut paling maju dan efektif, terutamanya dalam trombolisis perubatan dan trombektomi mekanikal.

### TABUNG WAKAF AMBULANS

14. Sebagai usaha melebarluaskan perkhidmatan hospital dan menangani isu kos rawatan dan penjagaan kesihatan, UPM telah menubuhkan Dana Wakaf Hospital dan Tabung Kebajikan Pesakit. Usaha ini adalah untuk membantu mereka yang memerlukan bagi menerima rawatan yang sewajarnya, di samping membantu hospital dalam aspek kewangan secara jangka panjang. Bermula awal tahun 2022 berlaku peningkatan permohonan perkhidmatan ambulans susulan peluasan perkhidmatan kecemasan strok kepada perkhidmatan kecemasan am di ResQ serta permintaan yang tinggi daripada jabatan-jabatan dan wad. Pihak Hospital dengan kerjasama Pusat Wakaf, Zakat dan Endowmen UPM telah menubuhkan Tabung Wakaf Ambulans bagi mengumpulkan dana untuk pembelian satu unit ambulans baharu ini melalui konsep wakaf kenderaan ambulans. Melalui kaedah ini, aspek penjagaan kesihatan dapat dikongsi secara bersama sama ada melalui sumbangan individu, syarikat mahupun NGO, untuk menyumbang ke dalam tabung-tabung ini. Jiwa dan sifat masyarakat penyayang dalam kalangan warga Malaysia akan dapat dimanfaatkan secara sinergi bagi membantu mereka yang memerlukan.

### HOSPITAL HIJAU/ SOLAR

15. Patik juga menyembah maklum hasil kerjasama antara UPM dan syarikat GSparx bagi inisiatif projek pemasangan panel solar di pelbagai kawasan sekitar UPM bagi menyokong inisiatif penjimatan serta inisiatif kelestarian kampus hijau. Hospital Sultan Abdul Aziz Shah merupakan Hospital Pengajar Universiti Awam yang pertama menggunakan sistem solar bagi dalam menguruskan sumber tenaga hijau kepada bangunan hospital. Keseluruhan inisiatif ini dijangka dapat memberikan penjimatan sekurang-kurangnya sebanyak RM110 Juta untuk tempoh 25 tahun kepada pihak UPM secara asasnya. UPM merupakan universiti awam terbesar yang memiliki sistem solar photovoltaic dengan kapasiti 16.18 Megawatt Peak. Kejayaan ini berdasarkan usaha pelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitarnya.

## **AMPUN TUANKU**

16. Di kesempatan ini juga patik ingin mengalu-alukan kehadiran Yang berusaha Dato' Seri Abdul Razak Jaafar mewakili Datuk Seri Mohamed Khaled Noordin, Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dr. Zaliha Mustafa Menteri Kesihatan Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Menteri Besar Selangor atas sokongan padu dan sinergi yang dihulurkan kepada khususnya Hospital Sultan Abdul Aziz Shah ini dan amnya kepada UPM. Begitu juga kepada Pro Canselor UPM, Lembaga Pengarah Universiti, Konsortium Hospital Pengajar Universiti Awam dan semua dif jemputan yang turut hadir pada hari yang bersejarah ini. Patik yakin bahawa sinergi dan permuafakatan semua pemegang taruh pendidikan tinggi dan perkhidmatan kesihatan akan dapat

menjulung perkhidmatan kesihatan negara baik di peringkat global, kebangsaan mahupun negeri.

17. Patik mewakili warga UPM sekalian akan sentiasa meningkatkan kualiti dan pengoperasian hospital ini untuk merealisasikan visi untuk menjadi sebuah hospital pengajar bereputasi Antarabangsa dan menjunjung amanah Berilmu Berbakti yang menjadi moto dan inspirasi seluruh warga UPM.
18. Patik mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan terima kasih buat semua warga kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan kejayaan program pada hari ini. Diharapkan semoga Hospital Sultan Abdul Aziz Shah UPM akan terus sentiasa mencapai kecemerlangan dan dapat menyokong inisiatif pembangunan negara terutamanya dalam bidang perubatan.
19. Demikianlah sembah ucapan patik. Patik sekali lagi ingin merakamkan junjungan kasih atas perkenan Duli Tuanku berangkat hadir ke Majlis pada hari ini. Patik dan sekalian warga UPM mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor dikurniakan kesihatan, dan kesejahteraan yang berpanjangan supaya dapat terus memerintah Negeri Selangor Darul Ehsan dengan segala kemuliaan.
20. Patik sekalian turut mendoakan kesejahteraan untuk kerabat DiRaja Selangor sekalian, semoga berada dalam keadaan kesejahteraan, dikurniakan taufik dan hidayah, serta senantiasa dalam perlindungan Allah SWT.

21. Patik akhiri sembah ucapan dengan lafaz yang mulia Wabillahi taufik walhidayah Wassalamu'alaikum Warhmatullahi Wabarakatuh.

**AMPUN TUANKU**